



Dr Gauth Jasmon

## UPM komited bantu kerajaan selesai isu bekalan makanan

**Kuala Lumpur:** Universiti Putra Malaysia (UPM) komited membantu kerajaan menyelesaikan isu bekalan makanan dalam usaha mengelak kebergantungan negara kepada produk makanan import.

Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Tan Sri Dr Gauth Jasmon, berkata bagi tujuan itu, Program Inkubasi Usahawanita ni yang dijalankan sejak 2012 akan dilipatgandakan.

Beliau berkata, ketika ini, program berkenaan menyumbang RM20 juta setahun kepada hasil pengeluaran makanan negara sejak dimulakan pada 2012, menunjukkan pencapaian positif bagi sebuah universiti.

"Kena fikir bagaimana (jumlah ini) boleh ditingkatkan sebanyak 10 kali ganda dari jumlah yang dicapai sekarang. Jika jumlah usahawan (dilahirkan) lebih ramai, impaknya akan lebih besar."

"Saya yakin kita boleh lakukan," katanya berucap pada Majlis Pelancaran Penutupan Rasmi Program Inkubasi Usahawanita ni 2019 di universiti berkenaan, semalam.

Beliau berkata, program seumpama itu berpotensi besar sebagai pemangkin kepada anak muda meneroka bidang pertanian serta memperoleh latihan lengkap.

"Sebagai usahawan, kita mesti berani ambil risiko. Jangan takut nak bertindak. Kadang-kadang kita takut untuk ke hadapan hanya kerana kita takut kegagalan," katanya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof Dr Abdul Shukor Juraimi, berkata sejak ia dilaksana pada 2012 sehingga tahun lalu, seramai 305 peserta mengikuti program berkenaan dan 168 peserta atau 55 peratus, sudah menjadi usahawan selepas tamat pengajian.

Katanya, pada tahun ini, 29 peserta lagi dipilih untuk menjalani latihan selama lima bulan dengan sebahagian mereka juga sudah menubuhkan syarikat sendiri untuk memulakan projek pertanian mereka sebaik tamat latihan.